

SOAL PERKAHWINAN MUSTAHAK DIPERHATIKAN!

Menurut kepercayaan semua agama bahawa mula-mula manusia yang dijadikan Tuhan adalah Adam, kemudian diikuti oleh Hawa - sepasang lelaki perempuan. Daripada perkahwinan kedua manusia ini menurunkan banyak anak. Anak-anak manusia pula kemudiannya berkahwin di antara satu dengan lainnya, dan menurunkan pula banyak lagi anak-anak manusia, yang kemudiannya merebak di serata permukaan bumi ini.

Sesudah perkembangan itu, maka cara-cara perkahwinan itu timbul dari golongan-golongan, suku-suku dan bangsa-bangsa di tempat masing-masing - yang caranya di antara satu dengan lain telah berbeza-beza mengikut adat tempat-tempatnya - yang kemudiannya telah berurat dan berakar dalam perasaan masyarakat masing-masing yang payah hendak diubah.

Sesudah semuanya menjadi adat maka datangnya agama Islam membawa pertunjuk untuk mengubah adat yang tidak benar. Adat-adat yang telah dijalankan oleh manusia itu dimasukkan dalam perbuatan jahiliah.

Contoh-contoh adat yang ditegah oleh agama itu ialah:

- a) Berkahwin dengan belian mahar atau mas kahwin, yang mahal-mahal lagi memberatkan;
- b) Memadukan dua bersaudara seibu sebapa;
- c) Perkahwinan terbalik - seorang wanita berkahwin dengan lelaki yang banyak;
- d) Berkahwin dengan cara mencuri gadis dan terkadang-kadang sehingga menjadikan pembunuhan;
- e) Berkahwin dengan bekas isteri bapa (mak tiri); dan lain-lainnya.

Adat yang tersebut ini masih berjalan lagi di luar Semenanjung ini dan juga di beberapa daerah di Indonesia.

Dengan keburukan ini agama datang memperbaikinya dengan:

- a) Pada zaman dahulu kebanyakan orang mewajibkan mas kahwin-mas kahwin dan belian yang mahal ditambah dengan wang jemputan dan kenduri dan sebagainya yang payah hendak dibayar oleh pihak lelaki. Dengan sebab-sebab ini kahwin sangat susah dan sebaliknya diadakan pula satu syarat supaya sama taraf (kufu).

Untuk ini ada pula syarat-syarat yang berhubung dengan hal tersebut di atas.

Tetapi di dalam agama, kalau sememangnya tidak dapat orang membayar mas kahwin, cukuplah dengan sebetuk cincin besi, mengajar membaca Al-Fātihah dan lain-lainnya sedang mengenai kenduri kahwin (walimah) pun hanya sekadarnya sahaja.

- b) Kahwin lebih dari satu (bermadu) ialah adat zaman jahiliah yang digunakan oleh raja-raja, bangsawan-bangsawan dan hartawan-hartawan dan sebagainya. Kesombongan lelaki, kemampuannya bertanggungjawab, dan pahlawan yang balik dari medan perang, banyak pula yang menjalankan perkahwinan serupa ini. Kadang-kadang pada satu masa memang perlu berkahwin lebih dari satu umpamanya disebabkan isteri sudah tua

sedang lelaki masih muda, ataupun disebabkan isteri berpenyakit dan sebagainya. Dapat juga diterima oleh fikiran kalau keperluan begitu berhajat kepada kemudahan-kemudahan hukum untuk mengambil isteri muda. Dengan sebab tidak ada batasnya, yakni seseorang jahiliah boleh beristeri seberapa yang disukainya maka agama mengadakan batas tidak lebih daripada empat orang sahaja.

Perceraian kerap kali berlaku ialah kerana tidak ada persesuaian hidup di antara suami dan isteri. Setelah bercerai ada suami yang mencari isteri yang baharu, dan yang demikian ini ada sangkaan kerana isteri tidak suka dimadukan atau pun sememangnya kerana ingin hendak mengganti isteri. Tetapi terkadang-kadang didapati pula hingga beberapa lama tidak beristeri sehingga jauhlah sangkaan bahawa perceraian itu bukan kerana ingin kahwin baharu tetapi terbit oleh lain-lain sebab yang terkadang-kadang disembunyikan di hadapan hakim untuk memudahkan mendapat apa yang di maksud olehnya.

Demikian pula banyak suami yang mampu tetapi tidak sebanyak itu pula yang menjalankan kemurahan dan keadilan. Dan banyak pula orang-orang yang bermadu itu hidup rukun dan damai seperti orang yang bersaudara.

j) Perempuan berkahwin dengan banyak lelaki ditegah sangat oleh agama.

e) Perkahwinan dalam syariat Islam ialah berdasarkan keredaan kedua-dua belah pihak -

dari pihak lelaki dan dari pihak wanita dengan disaksikan oleh jiran. Jadi adat "mencuri" dan yang lain-lainnya yang gelap ditegah dan segala adat yang demikian itu mesti dihancurkan.

Ini lah sebahagian daripada contoh-contoh adat perkahwinan sebelum Islam dan sesudahnya, yang sekarang masih ada lagi saki bakinya.

Persamaan Hak-Hak

Persamaan hak-hak antara lelaki dan perempuan telah ada beberapa soal dan ada pula bezanya dalam beberapa hal. Misalnya dalam soal memelihara anak: isteri memelihara, menyusukan, dan sebagainya sedang lelaki mencari tempat rumah tangga. Kadang-kadang pemeliharaan anak diserahkan kepada orang gaji atau seumpamanya. Dengan demikian keadaan menjadi, menurut aturan yang mengatakan harus memberi, memberi rumah dan memberi penolong dengan secukupnya.

BUKU-BUKU RUMI KELUARAN

QALAM:

356/8, Geylang Rd., Singapore 14.

1. Surat Menyurat (oleh A.H.Edrus)	\$1.50
2. Jalan Ke Kota Bharu (oleh Anuar)	\$1.50
3. Panduan Kepada Pekedai Kecil (oleh H.M. Hassan).	0.70
4. Penglipur I (kumpulan cerita-cerita Pendek Karangan Ahmad dan Anuar)	1.50
5. Akhlak	1.20
6. Pendidikan.	1.25

Pemesan-pemesan hendaklah menyebutkan huruf rumi, kerana ada di antara naskah-naskah ini yang menggunakan Huruf Jawi.

Pesanan-pesanan hendaklah ditambah 10 cts kerana belanja Stamp.

demikian ini berlaku dalam masyarakat pertengahan dan masyarakat atas.

Dalam masyarakat tani, pedagang kecil, kebiasaannya - suami isteri bersama-sama mencari keperluan hidupnya, sekalipun sebenarnya yang diwajibkan ialah suami.

Di dalam Adat

Terkadang-kadang adat yang digunakan di dalam masyarakat kita bertentangan dengan ajaran agama, atau setidak-tidaknya kurang faedahnya atau merugikan. Mengenai soal ini moleknya difikirkan masak-masak dengan akal dan dengan agama. Kalau telah mengetahui kurang benar manfaatnya maka ada moleknya dihilangkan dengan menggunakan undang-undang yang dibuat oleh negara dan barangkali harus diterima oleh masyarakat.

Kita lihat sahaja bahaya-bahaya ekonomi ketika menggunakan adat-adat di dalam perkahwinan. Agama hanya menyuruh mengadakan walimah sekadar memberitahu kepada jiran-jiran yang dekat untuk berkahwin itu supaya diketahui bahawa polan telah dikahwinkan dengan polan supaya jangan terbit salah sangka. Sesudah perkahwinan tidak ada pula adat berinai, adat mandi-mandi dan seterusnya bahkan jika diperhatikan ada pula sembah menyembah dibuat dengan menyusun jari sepuluh kepada pengantin dengan suatu cara yang ditakuti mendatangkan syirik. Perkara-perkara inilah yang patut oleh kita pada zaman ini diperhatikan!

Kesempurnaan Perkahwinan

Kesempurnaan kahwin terjadi ialah setelah ayah memberikan anak kepada suaminya dengan disaksikan oleh saksi-saksi dan dengan perantaraan kadi dan lain-lainnya.

Kemudian baharu perdamaian dibentuk di atas dasar kasih sayang dan di atas dasar cinta mencintai. Undang-undang kahwin sebagai pertunjuk kehidupan hendaklah

dibuat secukup-cukupnya. Kerana sesudah suami isteri kedua-duanya hidup bersama, seolah-olah dapat dibayangkan bahawa tidak ada satu keinginan lagi selain daripada keduanya hendak hidup beruntung. Tinggallah lagi berbakti kepada Tuhan, kepada kedua ibu bapa, sedang isteri berbakti kepada suami dengan penuh harapan akhirnya kelak tidak akan menerima cubaan hidup.

Demikian itulah contoh yang dibuat oleh agama Islam, iaitu perkahwinan ialah kehendak hidup manusia di dunia, dan ikatan zahir batin di antara lelaki dan perempuan yang diperintahkan Tuhan untuk memenuhi hajat jenisnya dan bagi mendapat keturunan yang sah dalam masyarakat dengan mendirikan rumah tangga yang damai dan teratur.

Hapuskan Peraturan Bertopeng Islam

Dengan adanya Persekutuan Tanah Melayu mengakui agama Islam sebagai agama rasmi maka sepatutnya kerajaan menganjurkan atau mengadakan peraturan-peraturan untuk menghapuskan adat-adat perkahwinan yang bertopengkan agama. Kerajaan hendaklah membuat hukum-hukum perkahwinan yang teratur yang menentukan hak-hak di antara lelaki dan perempuan dan atas tanggungjawab-tanggungjawabnya yang besar terhadap masyarakat.

Kerajaan, sebelum menerima permohonan cerai seseorang, hendaklah mengadakan suatu badan di tiap-tiap daerah dengan nama "Badan Penasihat Agama Di Dalam Nikah dan Kahwin" supaya sebelum seseorang berkahwin, hendaklah diberi nasihat atas tanggungannya, dan cara-cara hidup berumah tangga dengan baik; sebaliknya sebelum seseorang diterima untuk mentalak isterinya, hendaklah orang itu diserahkan kepada badan ini untuk diberi nasihat. Dengan cara ini Inshā Allah akan terhindar segala

kerumitan-kerumitan yang dihadapi dalam hal yang mengenai nikah dan kahwin.

Hak-hak perlindungan bagi wanita yang dicerai, yang tidak ada kesalahannya dengan menanggung anak sebagai beban, wajib diadakan dan pada penanggungan itu janganlah hendaknya dilakukan dengan tidak dapat menyelamatkan kedudukan dan keselamatan anak yang ditanggung oleh isteri yang dicerainya, dengan sebab perceraian itu bukannya sahaja wanita itu sendiri terkorban tetapi didikan anak itu sendiri pula kelak akan jadi kucar kacir dan akhirnya membawa keburukan kepada

masyarakat.

Peraturan-peraturan Islam hendaklah diutamakan dan janganlah hendaknya peraturan itu dinamakan peraturan Islam tetapi dijalankannya hanya sebahagian sahaja. Peraturan yang bertopeng Islam ini wajib dihapuskan dan peraturan Islam dalam perkahwinan ini hendaklah diketatkan mengikut ajaran Islam. Kalau ini dapat dijalankan maka diharap bahawa ini menjadi suatu langkah yang pertama untuk melancarkan bahawa agama rasmi di Persekutuan Tanah Melayu ini ialah agama Islam.



Pasukan jemaah marhaban Geylang Serai, Singapura, bergambar ramai tatkala mengadakan perjumpaan Hari Raya Fitriah baru-baru ini. Duduk nombor lima dari kiri: ialah saudara Osman Babu Setiausahanya, dan nombor dua dari kanan: ialah saudara Ismail Abu Bakar Penolong Setiausaha.